

KETUA STAF MPOU MERASMIKAN PENUTUP KURSUS PAYUNG TERJUN

 airforce.mil.my/arkib/arkib/1026-ketua-staf-mpou-merasmikan-penutup-kursus-payung-terjun

BANTING, 29 Ogos 16 - Majlis Penutup, Penyampaian Sijil dan Pemakaian Sayap Penerjunan kepada penuntut Kursus Pelepas Terjun Bebas Tempur TUDM siri 12/16, Kursus Terjun Bebas Tempur TUDM Siri 35/16 dan Kursus Terjun Statik Tempur TUDM Siri 63/16 telah selamat disempurnakan oleh Ketua Staf Markas Pemerintahan Operasi Udara, Mj Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM, yang bertempat di Hanger PARA Rejimen TUDM Jugra.

Dalam ucapan penutup kursus tersebut, KS MPOU mengingkatkan kepada semua penuntut agar menimba pengalaman sebaik mungkin melalui kursus-kursus yang dianjurkan ini bagi meningkatkan kecekapan dan keupayaan selain menitik beratkan soal keselamatan semasa mengendalikan payung terjun. Beliau juga turut melahirkan rasa bangga dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh semua penuntut-penuntut kursus sepanjang 6 minggu latihan dilaksanakan.

Seramai 65 anggota terdiri daripada 9 Pegawai dan 56 Anggota LLP dalam perkhidmatan ATM yang telah disematkan sayap penerjunan dan sijil tamat kursus.



